

Sengaja naikkan harga durian sehingga membebaskan pembeli Kawal aktiviti orang tengah

MELAKA - Rungutan harga durian mahal serta membebaskan pembeli berpendapatan rendah dan sederhana akan terus berulang jika tiada tindakan pihak berkuasa terhadap orang tengah yang berulung-wenangnya menaikkan harga.

"Pada pendapat saya, selain penguatkuasaan undang-undang dan tindakan tegas terhadap penjual yang menipu dalam timbangan, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga boleh mengambil tindakan awal seperti: mengaujurkan assis etika perniagaan kepada mereka yang ingin menjadi orang tengah dalam pasaran durian tempatan," kata Presiden

Persatuan Pengguna Islam Malaysia* (PPIM), Datuk Nadzim Johan (**gambar kecil**) di sini malam.

Nadzim menambah, beliau tidak menafikan bahawa peranan orang tengah penting bagi membawa masuk bekalan durian dari kebun-kebun ke pasaran, namun tidak wajar sekiranya mereka mengaut untung berlipat kali ganda sehingga membebaskan pembeli.

"Mengambil untung tidak salah, namun janganlah sampai membebaskan pembeli yang akhirnya merugikan semua pihak.

"Daripada pemerhatian saya, agak sukar mencari peniaga yang jujur di negara ini. Jadi, perkara ini perlu segera diperbaiki bagi melahirkan peniaga

yang mempunyai etika pada masa depan.

"Tidak wajar jika pembeli terus memboikot peniaga yang menjual durian secara timbang sebaliknya mereka perlu memberi peluang kepada pihak berkuasa untuk bertindak terlebih dahulu atau pembeli boleh mengambil tindakan tidak membeli durian timbang sehingga harga turun atau membeli terus daripada pekebun bagi mendapat harga yang lebih rendah," katanya.

Beliau menggalakkan pekebun dan penanam durian menjual terus hasil tanaman mereka kepada pembeli bagi mengecilkkan kuasa orang tengah yang ingin mendapat keuntungan.

Seorang peminat durian dari Bukit Baru, Melaka yang hanya mahu dikenali sebagai Rizal, 42, berkata, tidak adil peniaga menjual durian secara timbang ke-



PARA peniaga disaran menjual durian pada harga yang munasabah bagi mengelakkan pembeli terbebani. - Gambar hiasan

rana yang berat bukan isi tetapi kulitnya.

"Jika ditimbang, sebiji durian bersaiz sederhana boleh mencapai berat sehingga dua kilogram," kata harga pasaran durian kampungnya. - Bernama

adalah sekitar RM6 hingga RM8 sekilo. Jadi, pembeli perlu membayar sekitar RM16 hingga RM20 sebiji dan ia agak mahal untuk durian kampung," kata-